

Memperkasa komuniti Orang Asli Pos Santeh

Kuala Lumpur: Bagi melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat Orang Asli agar mereka tidak dipinggirkan, mendorong pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mengajukan program khidmat masyarakat di perkampungan Pos Santeh, Sungai Siput, Perak, baru-baru ini.

Program bertemakan 'Memperkasa Komuniti Orang Asli Bagi Kehidupan Lebih Baik' itu, dikendalikan pelajar Sarjana Pembangunan Sumber Manusia (MHRD) dan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia (BHRD) bagi kursus Teori dan Amalan Pentadbiran (DCE5631).

Pensyarah DCE5631, Prof Madya Datuk Dr Norhasni Zainal Abidin, berkata program itu mendedahkan pelajar mengenai amalan pengurusan acara, tanggungjawab, pemupukan motivasi, semangat kesukarelawan dan keinginan menimba ilmu tambahan.

Beliau berkata, pelajar juga berpeluang mempraktikkan

serta mengamalkan teori dipelajari dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

Katanya, pelajar juga dapat merancang, melaksana, memimpin program, bekerjasama dan mengambil peranan secara aktif dalam kerja berkumpulan yang menjadi amalan penting perlu diperlukan dalam kehidupan serta kerjaya pada masa depan.

Sampaikan sumbangan

"Program ini secara tidak langsung dapat mempromosikan aktiviti kemasyarakatan anjuran bersama Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pendidikan, UPM; Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Asyik FM," katanya.

Beliau berkata, antara barang yang disampaikan kepada penduduk Orang Asli terbabit iaitu kipas angin, pakaian, buku dan permainan kanak-kanak.

Katanya, aktiviti lain yang diadakan antara pelajar dan penduduk Orang Asli termasuk gotong-royong, memasak

makan malam, pertandingan tarian sewang dan pertandingan karaoke.

"Pada hari kedua, pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan bagi menjalankan aktiviti berbeza, iaitu khidmat komuniti dan sukan rakyat.

"Melalui sukan rakyat, penduduk dan pelajar bersama-sama bersaing dalam acara boling kelapa, isi air dalam botol, tarik upih dan sumpit belon, manakala khidmat komuniti menyaksikan mereka membersihkan serta menceriakan kawasan sekitar," katanya.

info

- Berlangsung dua hari dan satu malam
- Kira-kira 300 penduduk Orang Asli terbabit sepanjang program berlangsung



Pelajar UPM bersama-sama komuniti Orang Asli pada program khidmat masyarakat di perkampungan Pos Santeh, Sungai Siput, Perak.



Komuniti Orang Asli bermain alat muzik tradisional ketuk aktiviti kebudayaan